



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56

13hb September 2012

No. 19

No. 553.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN ANGGOTA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT OF MEMBERS OF
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], Yang di-Pertuan Agong telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual bagi memegang jawatan yang dinamakan dalam ruang (2) menurut peruntukan yang dinyatakan dalam ruang (3), berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2012 hingga 31 Disember 2013.

In exercise of the powers conferred by subsection 11(1) of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], Yang di-Pertuan Agong has appointed the persons named in column (1) of the Schedule for the posts named in column (2) pursuant to the provision specified in column (3), with effect from 1 August 2012 until 31 December 2013.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

410

[13hb Sept. 2012]

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Nama/Name	Jawatan/Post	Peruntukan Enakmen/ <i>Provisions under the Enactment</i>
Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man	Yang di-Pertua	Perenggan 11(1)(a)
Tuan Haji Maktar bin Shapee	Timbalan Yang di-Pertua	Perenggan 11(1)(b)
Dato' Haji Yusof bin Musa	Anggota/Member	Perenggan 11(1)(d)
Dato' Wan Salim bin Mohd. Noor	Anggota/Member	Perenggan 11(1)(d)
Afnan Hamimi bin Taib Azamudden	Anggota/Member	Perenggan 11(1)(d)

Pembatalan Pelantikan

2. Pelantikan orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual bagi memegang jawatan yang dinamakan dalam ruang (2) menurut peruntukan yang dinyatakan dalam ruang (3) sebagaimana yang telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang* No. 410 bertarikh 2 Ogos 2012 adalah dibatalkan berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2012.

Revocation of Appointment

2. The appointment of the persons named in column (1) of the Schedule for the posts named in column (2) pursuant to the provision specified in column (3) as published in the *Gazette* of the State Gonernment of Penang No. 410 dated 2 August 2012 is revoked with effect from 1 August 2012.

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Nama/Name	Jawatan/Post	Peruntukan Enakmen/ <i>Provisions under the Enactment</i>
Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim	Yang di-Pertua	Perenggan 11(1)(a)
Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man	Timbalan Yang di-Pertua	Perenggan 11(1)(b)

(1)	(2)	(3)
<i>Nama/Name</i>	<i>Jawatan/Post</i>	<i>Peruntukan Enakmen/ Provisions under the Enactment</i>
Tuan Haji Maktar bin Shapee	Anggota/Member	Perenggan 11(1)(d)
Dato' Haji Md. Hashim bin Yahaya	Anggota/Member	Perenggan 11(1)(d)

Diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 18 Julai 2012
Consented by Yang di-Pertuan Agong on 18 July 2012

Bertarikh 31 Julai 2012
Dated 31 July 2012
[PUNPP 352/100/1/2/E-A/2 Jld. 2]

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 554.

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH
BAGI MAKSUD AWAM

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF
LAND FOR PUBLIC PURPOSE

BAHAWASANYA, melalui Pemberitahuan No. 81 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang* pada 30 Mac 2006, Pihak Berkuasa Negeri telah mengisyiharkan bahawa petak tanah iaitu No. Lot 2740 yang terletak di Mukim 10, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang, seluas 533 meter persegi dan ditandakan di atas pelan akui, No. 41022, menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu satu tapak untuk kawasan lapang di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan selenggaraan Majlis Perbandaran Seberang Perai:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya 62 meter persegi perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Pihak Berkuasa Negeri, pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56 tahun 1965], memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara 1965 mengenai cadangan untuk membatalkan 62 meter persegi

perizaban yang disebut terdahulu dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap cadangan pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang dalam satu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang pada 19 September 2012 jam 10.00 pagi.

Whereas, by Notification No. 81 published in the Penang State Government Gazette on 30 March 2006, the State Authority has proclaimed that the parcel of land being Lot No. 2740 situated in Mukim 10, District of Seberang Perai Tengah, Penang having an area of 533 square metre and delienated upon certified plan, No. 41022, to be a reserve for public purpose, to wit, a site for open space to be controlled by the State Secretary and maintained by the Majlis Perbandaran Seberang Perai:

And Whereas, it now appears expedient to the State Authority that 62 square metre of the aforesaid reservation be revoked:

Now therefore, the State Authority, in exercise of the powers conferred under subsection 64(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], gives notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke 62 square metre of the aforesaid reservation and that any person who desires to object to such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, Penang at an enquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of Seberang Perai Tengah, Penang on 19 September 2012 at 10.00 a.m.

Bertarikh 16 Ogos 2012

Dated 16 August 2012

[PTG/PS/SPT/822, PTSPT/C/861; PUNPP 352/100/1/2/EA/11]

NG WEE KOK
Setiausaha
*Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pulau Pinang/
Secretary of
State Executive Council
Penang*

No. 555.

(Seksyen 130)

NOTIS PENGEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahwasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah telah diisyiharkan dilucutkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucutahan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Mukim—16, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Lot—3766. Perihal dan No. Hakmilik—G.M. No. 1180. Luas—1851.00 meter persegi.

Bertarikh 17 Ogos 2012
[PTSPT/F/6A/143/2009(13)]

ROSLAN BIN YAHAYA
Pentadbir Tanah
Seberang Perai Tengah
Bukit Mertajam
Pulau Pinang

No. 556.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang hilang.

JADUAL

Mukim—14, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—5877. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2759. Luas—130.0000 meter persegi. No. Piawai—8-C-IV.

Bertarikh 12 Julai 2012
[PTSPU(D) 33/2012]

ZAHIDAH BINTI ISHAK
Pentadbir Tanah
Seberang Perai Utara
Pulau Pinang

No. 557.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/ rosak.

JADUAL

Mukim—12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. No. Lot—14079. Jenis dan No. Hakmilik—P.N. 6091. Luas—298.0 meter persegi.

Bertarikh 23 Julai 2012
[PTG/PP/76/Jld. 60(41) dlm.(5)]

NORLIANA BINTI ISMAIL
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 558.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—6, Seberang Perai Tengah. No. P.T.—307. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 314. Luas—111.48 meter persegi.

Bertarikh 14 Ogos 2012
[PTSPT/D/01/09/148]

MARHAINI BINTI ABU BAKAR
*b.p. Pentadbir Tanah
Seberang Perai Tengah
Bukit Mertajam
Pulau Pinang*

No. 559.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—6, Seberang Perai Tengah. No. P.T.—306. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 313. Luas—111.48 meter persegi.

Bertarikh 14 Ogos 2012
[PTSPT/D/01/09/149]

MARHAINI BINTI ABU BAKAR
b.p. Pentadbir Tanah
Seberang Perai Tengah
Bukit Mertajam
Pulau Pinang

No. 560.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada M. Paramasivam a/l Munusamy, Kunupathy a/p Munusamy dan Parmispari a/p Munusamy, yang beralamat di 126 Ladang Transkrian, 14300 Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang dan/atau 47 Lorong Murai 9, Taman Rantau Damai, 14300 Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahwasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahwasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan, pada 24 September 2012 pukul 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—9, Seberang Perai Selatan. No. Lot—2018. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 741. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0703SC2000001454.

Bertarikh 13 Ogos 2012
[0703AUC2012000018]

SHAARI BIN HUSSAIN
Pentadbir Tanah
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA